

Ketua Puteri UMNO: Azalina enggan ulas

UM 29 MAR 2011

KUALA LUMPUR 24 Mac — Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang disebut-sebut bakal mengetuai Puteri UMNO, Azalina Othman Said, enggan mengulas spekulasi pelantikan beliau kerana tidak mahu mendahului protokol parti.

Beliau juga keberatan memberikan pandangan mengenai desas-desus tersebut bagi mengelak daripada dikaitkan dengan isu kerusi Ketua Puteri UMNO itu.

“Kalau belum ada prosedur (pengumuman) MT, saya keberatan untuk mengulas. Bukan apa, kita kena ikut protokol supaya tidak menjadi isu.

“Bagaimanapun, kalau sudah rasmi (diumumkan), saya lebih daripada bersedia untuk menjawab apa jua soalan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau ditanya laporan *Utusan* yang memetik sumber hari ini, bahawa Azalina dijangka dilantik menjadi Ketua Puteri UMNO.

Menurut laporan tersebut, cadangan melantik beliau yang merupakan seorang peguam untuk menerajui Puteri UMNO telah dikemukakan beberapa kali dalam mesyuarat MT termasuk semasa mesyuarat Biro Politik yang berlangsung malam semalam.

Biro Politik UMNO dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.